

SURAT PENGESAHAN LANJUTAN PERLAKSANAAN PROGRAM PROGRAM PEMBANGUNAN SISTEM BUSINESS PROCESS MANAGEMENT (BPM) DI SEDC



S · E · D · C
s a r a w a k

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
Sarawak Economic Development Corporation

Menara SEDC
P.O. Box 400
Lot 2878, The Isthmus
Off Jalan Bako
93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: [+60 82] 551555
Fax: [+60 82] 551222
E-mail: info@sedc.my
Website: www.sedc.com.my

PPES:Q/T/134 (Jld.1) (3)

9 Disember 2021

YBhg. Puan Hajah Nor Hafizah Mohd Arop
Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Sarawak
Lot 894, Lorong Demak Laut 3A,
Taman Perindustrian Demak Laut
93050 Kuching, Sarawak

No. Faks: 082-439969

YBhg. Puan Hajah Nor Hafizah.

PERMOHONAN UNTUK PELANJUTAN PROGRAM PEMBANGUNAN SISTEM "BUSINESS PROCESS MANAGEMENT (BPM)" BAGI PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK (SEDC)

Dengan segala hormatnya sesi perbincangan susulan secara maya melalui "Zoom Meeting" di antara SEDC yang dipengerusikan oleh YBhg. Cik Hajah Siti Nurazlina binti Haji Dollah Ahmat Usop, Pengarah, Bahagian Kualiti dan Inovasi, SEDC bersama dengan pegawai puan, Cik Hafiza Atha binti Ahmad serta Encik Lawrence Kong Tzeh Fung, Fasilitator yang dilantik oleh MPC Sarawak pada 9 November 2021 berkenaan perkara di atas adalah dirujuk.

Seperti yang pihak puan sedia maklum, pihak SEDC telah bersetuju untuk melaksanakan Program Pembangunan Sistem BPM secara bersemuka di SEDC dengan kerjasama pihak MPC Sarawak bermula pada bulan April sehingga Julai 2021. Program BPM ini melibatkan bimbingan latihan secara bersemuka sebanyak 5 hari dan diikuti dengan sesi nasihat perundingan/konsultasi yang turut juga diadakan secara bersemuka sebanyak 4 hari. Taklimat pengenalan BPM telah dijalankan secara atas talian dengan jayanya pada 20 Mei 2021.

Namun begitu, pelaksanaan fasa seterusnya Program BPM secara bersemuka yang dijadualkan semula ke bulan Ogos sehingga Oktober 2021 telah ditangguh sejajar dengan arahan pihak SDMC yang tidak membenarkan sebarang kursus/latihan secara bersemuka dijalankan sepanjang tempoh tersebut sebagai salah satu usaha dalam mengekang penularan wabak Covid-19 di tempat kerja.



Hasil daripada sesi perbincangan susulan di atas, adalah dimaklumkan bahawa pihak SEDC, MPC Sarawak dan Encik Lawrence Kong bersetuju untuk Program BPM terus dilaksanakan secara bersemuka bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pemantauan secara terperinci oleh pihak-pihak yang terlibat pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Sehubungan ini, pihak SEDC berhasrat untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan Program BPM ke tahun 2022 (Januari – Jun) memandangkan buat masa ini pihak SEDC fokus kepada inisiatif-inisiatif transformasi korporat yang dijadualkan pelaksanaannya pada Suku Tahun Pertama 2022.

Pihak SEDC juga memohon agar Fasilitator, Encik Lawrence Kong Tzeh Fung diteruskan perkhidmatan beliau untuk pelaksanaan Program BPM di SEDC pada tahun hadapan.

Sila hubungi pegawai kami, Puan Sharifah Zurina Binti Haji Wan Noruddin, Timbalan Pengarah, Bahagian Inovasi dan Kualiti, SEDC di talian 082-551555 samb. 372 untuk urusan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"BERSUNGGUH KE ARAH KECEMERLANGAN"

Yang Benar,



HAJAH SITI NURAZLINA BT. HAJI DOLLAH AHMAT USOP
b.p Pengurus Besar
PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK